DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
KENYATAAN TENDER

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai jenis pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai tender berikut :-

Bil.	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
a	RTP020/KCH/19	Bina Baru Masjid Taman Sri Wangi (Re-Tender)	**Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** Kelas : A atau B atau BX Kepala : II (Building Works) Sub-Kepala :2(a) (Reinforced Concrete Framed Buildings) **Dan** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	RM800.00	Bumiputera	Isnin, 7 Oktober, 2019 12:00 tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis. Pemilik atau wakilnya hendaklah membawa ***SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA (jika berkenaan), SIJIL ASAL CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB) dan SIJIL ASAL PENDAFTARAN NAMA PERNIAGAAN - Borang I, Seksyen 5, 23 DAN 24(2)*** berserta ***salinan***.
3. Segala bayaran yang dikehendaki dalam Kenyataan Tender ini hendaklah dibuat secara ***TUNAI/CEK*** atau melalui ***WANG POS/BANK DERAF*** di atas nama ***DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA***.
4. Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Kontrak dan Perolehan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Tingkat 1, Bangunan DBKU, Bukit Siol, Jalan Semariang, Petra Jaya, 93050 Kuching pada waktu-waktu seperti berikut :-

Hari	**Waktu**
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 11.45 pagi 2.15 petang – 4.00 petang

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Petender ke dalam Peti Tender berserta **sampul surat yang dilakri** mempunyai ***Catatan Nombor dan Tajuk Tender*** dan hendaklah diserahkan kepada alamat tertera di bawah tidak lewat daripada jam **12:00 tengahari** pada hari tutup Tender tersebut.

Bahagian Kontrak Dan Perolehan
Tingkat 1, Bangunan DBKU
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching

6. Sebarang dokumen Tender yang dihantar dengan **'serahan tangan' (By Hand) selepas masa yang ditetapkan adalah ditolak**.
7. Dokumen Tender yang dihantar ke tempat lain **selain daripada yang dinyatakan di atas, tidak akan diterima oleh DBKU**.
8. Hanya penyertaan Tender dari petender/pemilik yang sah akan dipertimbangkan.
9. Pengkelasan Tender adalah muktamad. Sebarang rayuan dari petender yang tidak berkelayakan tidak akan dilayan.
10. Petender boleh merujuk iklan melalui Laman Web **–** **www.dbku.sarawak.gov.my**
11. Keputusan Tender boleh dirujuk di Laman Web **–** **www.dbku.sarawak.gov.my** dalam tempoh 90 hari dari Tarikh Tutup Tender atau Tarikh Lanjutan Tempoh Sah Tender (jika ada).
12. Dewan Bandaraya Kuching Utara tidak terikat untuk menerima ***TENDER TERENDAH*** atau ***MANA-MANA TENDER.***

MAKLUMAT MENGENAI PENGIKLANAN TENDER, JADUAL TENDER DAN STATUS PEROLEHAN AKAN DINYATAKAN DALAM PORTAL WEB DBKU (http://www.dbku.sarawak.gov.my)

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA